

Lontaran Vokal dalam Deklamasi Puisi

MASHOR AWANG LONG (Pengarang koresponden)

Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF)

Universiti Malaysia Sabah

Kota Kinabalu, Sabah

mashorawanglong@yahoo.com.my

ASMIATY AMAT

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)

Universiti Malaysia Sabah

Kota Kinabalu, Sabah

asmiaty@ums.edu.my

MAZNI MUSTAPHA

Fakulti Psikologi dan Pendidikan (FPP)

Universiti Malaysia Sabah

Kota Kinabalu, Sabah

masni@ums.edu.my

ABSTRAK

Kertas penelitian ini membincangkan keberkesanan lontaran vokal dalam deklamasi puisi. Lontaran vokal yang baik penting untuk memastikan makna dan mesej yang terkandung dalam puisi sampai kepada penonton. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Penyelidikan Jerry dalam penulisan Nizila Asin (2007), menyebutkan bahawa variasi vokal saling berkaitan dengan konteks iaitu maksud pada setiap perkataan dalam setiap ayat yang merujuk dialog dalam sesebuah pesembahan. Antara komponen variasi vokal mengikut Jerry et.al adalah (1) nada (pitch) dan lingkungan (range), (2) infleksi, (3) kekuatan, (4) kadar atau tempo, (5) tekanan suara, (6) berhenti sekejap (pause) dan (7) irama. Kemampuan membezakan suara dalam barisan tone yang indah akan menciptakan kepelbagaian variasi vokal agar vokal tidak monoton atau statik. Perbincangan ini meneliti tiga (3) bacaan puisi terbaik iaitu pemenang dalam Sayembara Deklamasi Puisi Kemerdekaan ke-35 peringkat Kebangsaan tahun 2021, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Hasil penelitian ini memperlihatkan bahawa peranan variasi vokal amat penting dan memberikan manfaat kepada pementapan mutu dalam penyampaian deklamasi puisi.

Kata Kunci: Deklamasi, Mesej, Puisi, Sayembara, Vokal.

To cite this article: Long, M. A., Amat, A., Mustapha, M. (2023). Lontaran Vokal dalam Deklamasi Puisi. *International Journal of Language, Literacy and Translation* 6(1), 99-111. <https://doi.org/10.36777/ijollt2023.6.1.067>

To link to this article: <https://doi.org/10.36777/ijollt2023.6.1.067>

Received: 16 November 2022

Accepted: 3 March 2023

Published Online: 31 March 2023

This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

PENGENALAN

Menurut Herman J. Waluyo (1994), puisi dapat diertikan sebagai suatu bentuk karya sastra yang mengungkapkan pemikiran dan perasaan penyair dengan cara yang imaginatif. Puisi disusun dengan mengkonsentrasikan semua kekuatan bahasa dengan pengkonsentrasian struktur fizik (struktur luaran) dan batin (struktur dalaman). Pada sisi lain, Iskandar (2008) menjelaskan bahawa deklamasi puisi memiliki unsur atau ciri-ciri seperti penggunaan ucapan yang jelas, intonasi yang tepat, jeda yang sesuai dan ekspresi yang tepat melalui gestur tubuh dalam usaha memperlihatkan emosi yang dihasilkan daripada puisi tersebut. Vokal merupakan elemen terpenting dalam penyampaian puisi.

Menurut Indirawati Zahid dan Mardian Shah Omar (2006), vokal ialah bunyi-bunyi bersuara yang semasa menghasilkannya, udara dan paru-paru keluar melalui rongga tekak dan rongga hidung secara berterusan tanpa sebarang sekatan atau sempitan yang boleh menerbitkan bunyi geseran. Secara umumnya, asas vokal dan pengucapan terdiri daripada penafasan, vokal, pengucapan dan variasi vokal. Istilah vokal itu sendiri berasal daripada kata bahasa latin *vocalis* yang bermaksud bercakap atau bersuara. Menurut Fathiyah Razali dalam penulisan Nizila Asin (2007), ekspresi vokal mampu mengendalikan perasaan penonton dengan mengekspresikan berbagai-bagai emosi seperti kegembiraan, kesedihan, kemarahan, terharu, dan lain-lain. Selain itu, penggunaan vokal yang baik juga dapat memastikan bahawa makna yang ingin disampaikan dapat diterima dengan jelas oleh penonton. Oleh sebab itu, penggunaan vokal yang tepat dan ekspresif sangat penting dalam penyampaian puisi atau karya sastra lainnya. Siti Hajar Abdul Aziz (2011), menyebutkan bunyi vokal mempunyai kelantangan dan kepanjangan iaitu bunyi tersebut dapat didengar dengan jelas dan lebih panjang daripada bunyi-bunyi konsonan. Tambah beliau, vokal juga berfungsi sebagai saluran kata daripada drama kepada penonton, seterusnya memberikan makna khusus pada kata-kata tertentu melalui intonasi suara.

Kajian ini akan memberikan fokus kepada penggunaan vokal dan kepentingan vokal dari sudut pandang persembahan sahaja. Justeru, penyelidik telah memfokuskan sebuah program yang melibatkan penggunaan vokal dalam persembahan. Program tersebut ialah sayembara deklamasi puisi kemerdekaan ke-35, peringkat kebangsaan yang dianjurkan pada tahun 2021. Program ini dipilih oleh penyelidik kerana aspek vokal menjadi elemen penilaian utama dalam sayembara tersebut. Penggunaan variasi vokal yang baik telah dijadikan kriteria untuk membolehkan peserta menjuarai sayembara tersebut. Menurut temu bual bersama Puan Maslijan Abd Rasad, selaku Perancang Bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka Sabah, sayembara deklamasi puisi kemerdekaan ke-35, peringkat kebangsaan tahun 2021 merupakan sebuah program kerjasama antara GAPENA dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Sayembara ini dilaksanakan untuk melahirkan masyarakat yang menghayati dan menghargai karya-karya sastra Melayu. Selain itu, sayembara ini juga memberikan ruang dan peluang kepada pendeklamasi puisi untuk mengetengahkan bakat mereka. Penganjuran sayembara ini juga dapat memupuk minat dan kecintaan masyarakat kepada bahasa dan sastra Melayu terutama puisi.

PENYATAAN MASALAH

Pendeklamasi puisi pada kebiasaanya mempunyai teknik dalam melontarkan vokal dalam puisi yang dipersembahkan. Vokal yang baik harus ditonjolkan untuk menyampaikan mesej dan makna dalam puisi selain menarik minat dan perhatian penonton untuk mendengar. Dalam sayembara deklamasi puisi, vokal memberikan cabaran yang besar kepada peserta. Jerry dalam penulisan Nizila Asin (2007), menyebutkan bahawa variasi vokal dalam sesebuah persembahan mampu mempelbagaikan vokal yang dilontarkan. Variasi vokal dalam penyampaian puisi juga akan menjadikan persembahan puisi lebih menarik. Sehubungan itu, dapat disimpulkan bahawa variasi vokal seharusnya menjadi keutamaan kepada pendeklamasi, khususnya kepada peserta sayembara puisi kemerdekaan peringkat kebangsaan.

Dalam konteks deklamasi puisi di Malaysia, masih terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh para pendeklamasi untuk melontarkan puisi secara efektif. Menurut Mohamad, (2016) salah satu masalah utama ialah kurangnya pemahaman dan pengaplikasian teknik-teknik deklamasi yang tepat. Hal ini menyebabkan para pendeklamasi menghadapi kesulitan dalam usaha mengekspresikan makna dan pesan yang terkandung dalam puisi secara optimum.

Seterusnya satu lagi masalah yang menjadi hambatan dalam bidang pendeklamasian puisi ialah kurangnya pengembangan bakat dan potensi para pendeklamasi puisi di Malaysia. Dalam hal ini Wong (2020), berpendapat bahawa pendidikan dan pelatihan yang tidak memadai, serta kurangnya dokongan daripada pihak-pihak tertentu berkaitan lontaran suara dalam ucap awam menyebabkan para peserta turut menghadapi kesulitan untuk mengembangkan kemampuan dan bakat mereka. Adakah para pendeklamasi turut menghadapi masalah ini?

Ketidakmampuan para pendeklamasi untuk mengelola emosi dan mengawal nafas juga menjadi salah satu masalah. Kajian Akhesah dan Saludin (2023), merumuskan bahawa beberapa pendeklamasi cenderung terbawa dengan keadaan ini dan merasa kesulitan untuk mengendalikan emosi pada saat mereka melontarkan vokal dalam pendeklamasian puisi. Selain itu, ada antara mereka yang tidak mampu menggunakan nafas dengan baik sehingga terkadang kelemahan ini mengganggu kelancaran dan keselarasan vokal dalam pendeklamasian puisi mereka.

Dalam rangka meningkatkan kualiti pendeklamasian puisi di Malaysia, perlu dilakukan usaha-usaha untuk mengatasi rencaman masalah yang dihadapi oleh para pendeklamasi. Salah satu upaya yang dapat dilakukan adalah dengan meningkatkan kualiti pendidikan dan pelatihan deklamasi puisi serta memberikan dokongan yang memadai kepada para pendeklamasi (Wahyuningdyah, 2020). Selain itu, Akhesah dan Saludin (2023), menyarankan bahawa para pendeklamasi juga perlu belajar untuk mengendalikan emosi dan mengawal nafas mereka dengan baik agar dapat melontarkan puisi secara efektif dan memukau.

KAJIAN LITERATUR

Menyorot penyelidikan Jerry dalam penulisan Nizila Asin (2007), menyebutkan bahawa variasi vokal saling berkaitan dengan konteks iaitu maksud pada setiap perkataan dalam setiap ayat yang merujuk bait-bait puisi mahupun dialog dalam sesebuah pementasan. Suara yang dapat berubah mengikut masa berpotensi mencipta variasi vokal berkesan dengan menggunakan nada (*pitch*), lingkungan (*range*), infleksi, kekuatan, kadar atau tempo, berhenti seketika (*pause*) dan irama. Tambahan beliau lagi, variasi vokal saling berkaitan dengan konteks iaitu maksud pada setiap perkataan dalam setiap ayat yang merujuk dialog sesebuah pementasan atau persembahan.

Kemampuan membezakan suara dalam barisan tone yang sesuai mencipta kepelbagaian variasi vokal agar vokal tidak monoton atau statik.

Penyelidikan yang dilakukan oleh Zakaria Ariffin (2001), menjelaskan peranan vokal amat penting dan mempunyai ciri-ciri utamanya iaitu; (i) boleh didengari walaupun pada jarak yang jauh, (ii) sebutan yang jelas dan bulat (artikulasi), (iii) mesej dialog sampai kepada penonton dan (iv) penonton boleh tertarik dengan hanya mendengar vokal. Hal ini dapat disimpulkan bahawa peranan vokal amat penting untuk meyakinkan isu yang dibawa kepada penonton. Setiap individu haruslah bijak mengolah lontaran vokal dan mempelbagaikan warna dalam vokal agar dapat mengambil hati penonton.

Manakala Fathiyah Razali dalam penyelidikan Nizila Asin (2007), menjelaskan bahawa vokal penting dalam penempatan selain sebagai simbol atau isyarat yang bertindak menyatakan isi perasaan dan fikiran seseorang. Tambahan beliau, vokal berfungsi sebagai saluran kata daripada drama kepada penonton seterusnya memberikan erti atau makna khusus pada kata-kata tertentu melalui intonasi suara. Selain itu, beliau juga menyebutkan jika ingin menjadikan persembahan lebih menarik ton suara hendaklah berbeza dan tidak monoton. Hal ini saling berkait dengan fungsi vokal itu sendiri iaitu menyampaikan informasi atau mesej kepada pendengar.

Hamzah et.al (2019), juga telah melakukan kajian tentang pengaruh teknik bercerita dan kemahiran membaca deklamasi puisi dalam kalangan pelajar sekolah. Data dikumpul melalui soal selidik dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Hasil kajian menunjukkan bahawa teknik bercerita dan kemahiran membaca mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap deklamasi puisi dalam kalangan pelajar sekolah menengah. Oleh itu, kajian ini memberikan implikasi penting kepada pendidik dan pengkaji dalam usaha meningkatkan prestasi pelajar dalam deklamasi puisi melalui pembangunan teknik bercerita dan kemahiran membaca yang lebih efektif.

Wahyuningdyah (2020), pula membincangkan keperluan untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan pelatihan deklamasi puisi di Indonesia. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan melakukan tinjauan literatur daripada artikel jurnal dan buku yang berkaitan dengan topik tersebut. Hasil tinjauan literatur menunjukkan bahawa terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi keberkesanan program pendidikan dan pelatihan deklamasi puisi, seperti penggunaan teknologi dalam pembelajaran, kualiti pengajaran dan pembelajaran, serta faktor motivasi dan minat. Oleh itu, kajian ini memberikan implikasi kepada pihak berkepentingan untuk menitikberatkan aspek-aspek tersebut dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan dan pelatihan deklamasi puisi di Malaysia.

Kajian Nasir dan Aziz (2012), ini membincangkan tentang kesan penggunaan teknologi pembelajaran terhadap pembelajaran deklamasi puisi Arab di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa penggunaan teknologi pembelajaran, khususnya video pembelajaran, dapat meningkatkan tahap kefahaman dan kemahiran pelajar dalam deklamasi puisi. Oleh itu, kajian ini memberikan implikasi penting kepada pendidik untuk menggunakan teknologi pembelajaran sebagai alat bantu dalam usaha meningkatkan keberkesanan pembelajaran deklamasi puisi.

Kajian Jamian et. al. (2018), pula melihat kemahiran berfikir aras tinggi (HOTS) pelajar dalam pemahaman puisi dan prosa moden Melayu. Sampel dalam kajian ini ialah 210 orang pelajar yang menggunakan kaedah kuantitatif sebagai reka bentuk kajian. Dapatan kajian menunjukkan bahawa HOTS untuk memahami puisi adalah sederhana manakala pemahaman prosa moden berada pada tahap yang tinggi. Tiada perbezaan yang signifikan antara gender dalam pemahaman puisi moden, tetapi terdapat perbezaan yang signifikan antara pelajar perempuan dalam pemahaman prosa moden. Terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap

HOTS dalam pemahaman puisi prosa serta puisi dan prosa moden dalam kalangan pelajar tahap tinggi, sederhana dan rendah. Kesimpulannya, HOTS perlu dikuasai oleh pelajar bukan hanya secara akademik tetapi juga bukan akademik dan amalan penggunaan HOTS melalui kaedah pengajaran yang sesuai dapat meningkatkan prestasi mereka dalam pengajian mereka.

Kajian Chew (2011), membincangkan hubungan antara faktor motivasi dan minat dengan prestasi pelajar dalam KOMSAS termasuk deklamasi puisi dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Malaysia. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara faktor motivasi dan minat dengan prestasi pelajar. Oleh itu, kajian ini memberikan implikasi kepada pendidik dalam usaha memperkasakan faktor motivasi dan minat untuk merancang program latihan dan pembelajaran seperti dalam deklamasi puisi. Selain itu, kajian ini juga menyokong kepentingan memupuk minat dan semangat dalam deklamasi puisi sebagai aspek penting pembentukan insan yang kreatif dan berdaya saing tinggi.

Kebanyakan kajian lepas yang disentuh lebih menjurus pada penilaian terhadap latihan dan gaya pembelajaran puisi. Namun demikian, kajian lontaran suara dalam bacaan puisi masih terbatas dan disentuh secara tersirat sahaja. Oleh hal yang demikian kajian berkaitan lontaran vokal juga perlu dilakukan untuk memahami seni pendeklamasiaan puisi. Kajian ini cuba mengisi kelompangan ini.

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidik menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif untuk menjalankan kajian ini, yang terdiri daripada sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer dalam kajian ini melibatkan temu bual penyelidik bersama individu yang terlibat secara langsung dalam pengurusan sayembara deklamasi puisi tersebut, iaitu wakil pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). Penyelidik juga menggunakan sumber sekunder dengan merujuk buku-buku berkaitan dengan lontaran vokal dan deklamasi puisi. Pengkaji telah merujuk buku Tanggam Warisan, yang merupakan sebuah buku antologi puisi khas bagi sayembara deklamasi puisi kemerdekaan ke-35, peringkat kebangsaan 2021. Penyelidik juga telah merujuk rakaman video sayembara deklamasi puisi kemerdekaan ke-35 yang terdapat di *facebook* dan *youtube*. Bagi menganalisis vokal yang terdapat dalam bahan-bahan yang diperolehi, penyelidik telah menggunakan pendekatan analisis variasi vokal daripada Jerry dalam penyelidikan Nizila Asin (2007).

Jadual 1

Menunjukkan jenis variasi vokal berserta penerangannya yang disesuaikan daripada Jerry dalam penyelidikan Nizila Asin (2007).

Bil.	Variasi Vokal	Penerangan
1.	Nada (pitch) dan Range	<i>Pitch</i> merujuk tinggi atau rendah bunyi suara. <i>Range</i> pula bermaksud ukuran jarak dalam nota pitch paling rendah dan paling tinggi. (<i>Pitch dan range mempunyai keperluan yang hampir sama iaitu mengukur tinggi rendah suara</i>)
2.	Infleksi	Naik dan turunnya <i>pitch</i> pada suara.
3.	Kekuatan (<i>Intensity</i>)	Kekuatan memasukkan emosi dalam kualiti percakapan dengan kelakuan (gaya).
4.	Kadar atau Tempo	Kadar kelajuan dengan satu percakapan.
5.	Tekanan suara	Tekanan suara merujuk jumlah tekanan, kekuatan atau berat vokal menempatkan sesetengah kata atau perkataan dalam

			ayat.
6.	Berhenti (<i>Pause</i>)	Seketika	Permulaan penangguhan pada suara atau keraguan dan percakapan.
7.	Irama (<i>Rhythm</i>)		Perubahan yang berlaku dalam senyap, bunyi, kekuatan dan kelemahan dalam percakapan.

Berpandukan komponen variasi vokal yang diterangkan, pengkaji telah menganalisis tiga (3) bacaan deklamasi puisi iaitu pemenang utama dalam sayembara deklamasi puisi kemerdekaan kali ke-35, peringkat kebangsaan 2021.

OBJEKTIF

Objektif kajian adalah seperti di bawah:

- i. Mengenal pasti aspek vokal yang terdapat dalam sayembara deklamasi puisi kemerdekaan ke-35, peringkat kebangsaan 2021.
- ii. Menganalisis variasi vokal dalam sayembara deklamasi puisi kemerdekaan ke-35, peringkat kebangsaan 2021.

SKOP KAJIAN

Kajian yang dibuat berkenaan lontaran vokal peserta-peserta sayembara deklamasi puisi kemerdekaan ke-35 peringkat kebangsaan 2021. Penyelidik telah melakukan analisis berdasarkan rakaman video pertandingan. Seramai 17 orang peserta telah bertanding dalam sayembara tersebut. Pemenang telah diumumkan melalui tayangan langsung secara dalam talian. Terdapat tiga (3) pemenang utama yang telah diumumkan iaitu johan, naib johan dan tempat ketiga. Manakala tiga (3) pemenang sugu hati turut diumumkan. Analisis penyelidikan ini hanya meneliti tiga pemenang utama iaitu johan, naib johan dan tempat ketiga. Berikut ialah maklumat peserta-peserta tersebut.

Jadual 2

Keputusan pemenang sayembara deklamasi puisi kemerdekaan ke-35, peringkat kebangsaan tahun 2021.

Bil.	Nama Peserta	Kod Peserta (P)	Mewakili Negeri	Kedudukan Akhir	Tajuk Puisi	Penulis Puisi
1.	Mohd Fauzi Jamikah	P1	Sabah	Johan	Patriotisme Perjuangan	Zurhan Bakar
2.	Rozarina Binti Mohd Rusli	P2	Perak	Naib Johan	Sumbangsih Buat Nusa Bangsa	Jamilah Harun
3.	Khalid Hussein Tuah	P3	Sarawak	Ketiga	Nada Bermadah Warga Bermanuah	Chu E Liang

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pada bahagian ini penyelidik telah melakukan analisis yang melibatkan peserta P1, P2 dan P3. Analisis ini melibatkan komponen variasi vokal. Peserta (P1) yang merupakan pemenang tempat pertama (Johan), Peserta (P2) pemenang tempat kedua (2) dan Peserta (P3) merupakan pemenang tempat ketiga (3) dalam sayembara deklamasi puisi kemerdekaan ke-35 peringkat kebangsaan tahun 2021. Peserta P1 menyampaikan puisi bertajuk *Patriotisme Perjuangan* karya Zurhan Bakar. Peserta P2 pula menyampaikan puisi bertajuk *Sumbangsih Buat Nusa Bangsa* karya Jamilah Harun. Manakala peserta P3 pula menyampaikan puisi bertajuk *Nada Bermadah Warga Bermaruah* karya Chu E Liang.

Jadual 3

Analisis variasi vokal bagi pemenang johan, naib johan dan tempat ketiga. (P1, P2, P3)

Bil.	Variasi Vokal	Penerangan
1.	Nada (pitch), lingkungan (range).	Peserta P1,P2 dan P3 Peserta P1, P2 dan P3 menunjukkan peletakan vokal yang sesuai pada setiap perkataan bersesuaian dengan makna yang ingin disampaikan mengikut kadar keperluan <i>pitch</i> dan <i>range</i> yang diperlukan. Hal ini dapat dirujuk pada rangkap satu (1) hingga akhir puisi yang dibacakan.
2.	Infleksi	Kawalan naik dan turunnya <i>pitch</i> peserta P1, P2 dan P3, lontaran suara dikawal dengan baik. Seperti berikut: Peserta P1 Merujuk rangkap keempat (4) ketika peserta melafazkan penggunaan teknik infleksi dan <i>pitch</i> dikawal dengan baik dalam bait-bait kata puisi seperti berikut. <i>Inilah bukti perjuangan selari dengan aspirasi kita, (Turun)</i> <i>beriringan niat dan tekad mara,</i> <i>sederap kita melangkah bagai perwira bangsa, (Naik)</i> <i>mempertahankan kebebasan dan kedaulatan watan,(Naik)</i> <i>dari segala bentuk penjajahan dan ketidakadilan. (Turun)</i> Peserta P2 Merujuk rangkap ketiga (3) pada baris satu (1) hingga tujuh (7) dalam bacaan puisi Nada Bermadah Warga Bermaruah yang disampaikan oleh peserta P2. <i>Bukalah mata dan lihatlah ketamadunan dunia, (Naik)</i> <i>betapa sebuah kemajuan tercantas deras berlari di era globalisasi, (Naik)</i> <i>meninggalkan kita yang masih berpencah dengan sengketa musuh bakal</i> <i>menerpa, (Naik)</i> <i>dan merobek-robek makna merdeka,(Naik)</i> <i>sehingga tumpah derita berulang dari silam yang luka.(Turun)</i> Peserta P3

Merujuk rangkap ketiga (3), baris tiga (3) hingga lima (5), :

inilah binaan warga sejahtera dalam seacuan, (Turun)
harmoni bangkit bersama dalam persaudaraan, (Naik)
memacu negara gemilang. (Naik)
kibarkan panji sembah negara makmur, (Naik)
tuaian makna hakiki. (Turun)

Peserta P3 membacakan rangkap puisi ini dengan baik. Naik dan turun pitch pada lontaran suara peserta P1, P2 dan P3 ini telah menjadikan puisi yang disampaikan ini menarik untuk didengar.

-
- | | | |
|----|-------------------------|--|
| 3. | Kekuatan
(Intensity) | Lontaran vokal yang dilontarkan sesuai dengan gaya yang dipersembahkan oleh peserta P1, P2 dan P3. Berikut antara contoh : |
|----|-------------------------|--|

Peserta P1

Merujuk rangkap satu (1) baris satu (1) dan dua (2):

Dengan wajah merah nyala bernafas menghembus bara,

(Ketika ayat *dengan wajah merah nyala* dilontarkan peserta P1 mengangkat tangan kemudian menunjukkan wajahnya. Kemudian peserta P1 menunjukkan tapak tangannya yang berwarna merah kepada penonton. Tindakan ini selaras dengan baris puisi yang diucapkan.)

Urut leher tegang, menghambur ungkapan retorika,

(Ketika ayat *urut leher tegang* dilontarkan peserta P1 mengangkat tangan kanan dan menunjukkan ke arah lehernya. Tindakan ini selaras dengan baris puisi yang diucapkan.)

Peserta P2

Merujuk rangkap satu (1) baris lima (5) dan enam (6):

Sejauh mana lafaz kesyukuran dimaknai dengan tulus

(Ketika ayat *lafaz kesyukuran dimaknai dengan tulus* dilontarkan peserta P2 menundukkan kepala dan memegang dadanya sebagai tanda bersyukur terhadap Sang Pencipta. Tindakan ini selaras dengan baris puisi yang diucapkan).

lalu bangkit mengisi roh perjuangan di rumah nusa.

(Ketika ayat *lalu bangkit mengisi roh perjuangan* dilontarkan peserta P2 yang sedang duduk mengambil tindakan untuk berdiri seiring puisi yang diucapkan. Peserta P2 berdiri tegak dan menggenggam tangan. Hal ini melambangkan sifat keberanian dan bersiap sedia untuk berjuang. Tindakan ini juga selaras dengan baris puisi yang diucapkan).

Peserta P3

Merujuk rangkap dua (2) baris satu (1) dan dua (2):

Seluas sungai bergelora,

(Ketika ayat *seluas sungai bergelora* dilontarkan peserta P3 mengangkat separuh tangan kanan, kemudian menunjukkan gerakan tangan yang meliuk-liuk. Tindakan ini selaras dengan baris puisi yang diucapkan iaitu bagi menggambarkan air yang sedang tidak tenang atau sedang bergelora.)

menggemuruh gunung-ganang

(Ketika ayat *menggemuruh gunung-ganang* dilontarkan peserta P3 mengangkat kedua belah tangannya ke atas melambangkan bentuk gunung yang tinggi. Peserta P3 juga menunjukkan reaksi wajah kagum ketika membayangkan gunung yang tersergam indah di hadapannya. Tindakan ini juga selaras dengan baris puisi yang diucapkan.)

-
4. Kadar atau Tempo Kadar kelajuan atau tempo yang baik juga dipersembahkan oleh P1, P2 dan P3.

Peserta P1

Pengawalan tempo bagi peserta P1 sangat baik iaitu mampu melafazkan setiap baris ayat mengikut tempo yang diperlukan.

Peserta P2

Pengawalan tempo bagi peserta P2 berada pada tahap baik iaitu mampu melafazkan dan mengawal tempo mengikut kadar yang diperlukan pada puisi yang disampaikan. Namun masih terdapat kekurangan pada bahagian-bahagian tertentu.

Peserta P3

Pengawalan tempo bagi peserta P3 tidak jauh berbeza dengan P2 iaitu berada pada tahap baik iaitu mampu melafazkan dan mengawal tempo mengikut kadar yang diperlukan pada puisi yang disampaikan. Namun masih terdapat kekurangan pada bahagian-bahagian tertentu.

-
5. Tekanan suara Tekanan suara P1, P2 dan P3 ini juga menunjukkan pengawalan yang baik. Tekanan suara paling menyerlah telah dipilih oleh pengkaji seperti berikut :

Peserta P1

Sebagai contoh merujuk penekanan suara pada rangkap pertama (1) baris ke dua (2) dan tiga (3) iaitu :

Urat-urat di tangan genggam timbul selirat, (Tekanan Suara)

mata terjegil melaungkan kalimat keramat, (Tekanan Suara)

Peserta P2

Tekanan suara yang begitu baik ditonjolkan oleh peserta P2 ini yang dapat dilihat pada rangkap ketiga (3), iaitu :

musuh bakal menerpa, (Tekanan Suara)

dan merobek-robek makna merdeka, (Tekanan Suara)

sehingga tumpah derita berulang dari silam yang luka. (Tekanan Suara)

		<p>Peserta P3</p> <p>Merujuk rangkap pertama (1), baris satu (1) hingga empat (4). Seperti berikut :</p> <p><i>Seluas sungai bergelora</i>, (Tekanan Suara) <i>menggemuruh gunung-ganang</i>, (Tekanan Suara) <i>meriah warga tetap setia</i>, (Tekanan Suara) <i>bagai bersahutan paluan rebana bertabuh</i>. (Tekanan Suara)</p> <p>Lontaran vokal dalam analisis ini menunjukkan tekanan dan vokal yang baik oleh P1,P2 dan P3. Setiap perkataan yang dilafazkan mempunyai kekuatan sekali gus menjiwai setiap makna yang ingin disampaikan.</p>
6.	Berhenti Seketika (Pause)	<p>Peserta P1,P2 dan P3 ini telah menunjukkan pengawalan vokal yang baik.</p> <p>Peserta P1</p> <p>Merujuk rangkap kelima (5) dan enam (6), iaitu peserta P1 berhenti seketika bagi meninggalkan kesan emosi yang pasrah sebelum bangkit semula dengan emosi bangkit dan bersemangat dengan melaungkan kata merdeka.</p> <p>Peserta P2</p> <p>Merujuk pada rangkap keempat (4), baris satu (1) dan dua (2):</p> <p><i>Wahai putera-puteraku ... pemilik darah seketurunan para perwira, wahai puteri-puteriku ...legasi penerus... kepimpinan waja negara,</i></p> <p>Teknik berhenti seketika ini digunakan oleh peserta P2 untuk mengajak dan menyeru anak putera dan puteri bangsa agar mempertahankan sumpah mereka.</p> <p>Peserta P3</p> <p>Merujuk rangkap keempat (4) baris satu (1) hingga tiga (3), seperti berikut:</p> <p><i>Sambutlah... dengan jernih... cerminan akal bangsa, pasti deruan seia sekata... terlangkau ke dasar sukma, sebagai... warisan... berpekerti mulia.</i></p> <p>Teknik berhenti seketika dalam penyampaian puisi ini akan menambahkan kesan menarik dalam penyampaian puisi sekiranya dipraktikkan dengan benar dan pada tempat yang bersesuaian.</p>
7.	Irama (Rhythm)	<p>Setiap alur puisi Peserta P1, P2 dan P3 dapat dinikmati dengan baik. Sebagai contoh :</p> <p>Peserta P1</p> <p>Merujuk setiap rangkap melalui puisi yang dibacakan, Penggunaan rima dikawal dengan sangat baik. Setiap lontaran suara yang membawa penceritaan dalam puisi dapat dinikmati oleh pendengar dengan baik. Sebagai contoh penggunaan irama yang baik dilontarkan oleh peserta P1 pada penghujung rangkap empat (4) baris empat (4) dan lima (5) menuju ke rangkap lima (5) baris satu (1) dan dua (2). Peserta P1 telah mengubah iramanya daripada keras ke lembut iaitu vokal tegas kepada menyeru. Hal ini menunjukkan bahawa peserta P1 cekap dan menguasai puisi yang dibacakan. Secara tidak langsung,</p>

telah menarik minat penonton untuk mendengar.

Peserta P2

Peserta P2 menunjukkan pengawalan irama yang baik dalam deklamasi puisi yang dipersembahkan. Sebagai contoh, rangkap empat (4) dan lima (5). Rangkap empat (4) disampaikan dengan irama lembut kemudian berubah kepada keras. Hal ini melambangkan kesedihan yang berubah kepada kebangkitan atau menyeru.

Peserta P3

Peserta P3 mengalunkan irama dalam puisi yang dilontarkan dengan baik. Irama yang disampaikan bersesuaian bagi setiap baris puisi. Merujuk aliran irama rangkap satu (1) hingga dua (2) terdapat keras dan lembut tekanan vokal yang dilontarkan oleh peserta P3. Irama dalam rangkap satu (1) dan dua (2) ini berubah daripada irama vokal lembut kemudian sederhana lembut dan akhirnya keras.

HASIL PEMAHAMAN ANALISIS

Hasil analisis yang dilakukan pada peringkat sebelumnya telah menghasilkan kesinambungan kepentingan variasi vokal dalam penyampaian puisi. Lontaran vokal yang bervariasi akan membuatkan sesebuah bacaan puisi itu menjadi lebih baik. Secara tidak langsung, dapat menarik minat penonton. Penonton lebih mudah memahami dan mendalami setiap mesej yang ingin disampaikan oleh pendeklamasi. Berikut ialah hasil pemahaman daripada analisis yang dilakukan:

- a) Khususnya dalam sayembara deklamasi puisi kemerdekaan, pada hemat penyelidik dapat disimpulkan bahawa lontaran vokal yang baik dan jelas juga akan mempengaruhi fahaman penonton tentang mesej dan makna yang ingin disampaikan. Lontaran vokal yang baik dapat dihasilkan melalui latihan yang berterusan dan berkesan.
- b) Jika diperhatikan secara umum, sayembara deklamasi puisi kemerdekaan mementingkan aspek sebutan dalam penyampaian bacaan puisi. Ketidaktepatan artikulasi lontaran vokal berisiko berlaku sekiranya pendeklamasi puisi itu tidak dapat mengawal tempoh dengan baik (bercakap terlalu laju), kurang fokus, kecacatan semula jadi (tidak boleh menyebut R,L,O dan lain-lain). Pada pandangan penyelidik, dalam usaha melontarkan sebutan yang jelas dan bulat, kelenturan alat-alat pengucapan merupakan perkara asas yang perlu dikuasai dan dilatih dengan secukupnya.
- c) Perkara yang paling penting dalam bacaan puisi dalam sayembara deklamasi puisi kemerdekaan ialah mesej yang ingin disampaikan haruslah jelas dan meyakinkan. Sebagai seorang pendeklamasi yang baik, pendeklamasi haruslah memastikan penonton dan pendengar memahami alur dalam setiap patahan kata-kata yang dilontarkan oleh pendeklamasi. Kegagalan menyampaikan puisi dengan baik akan menyebabkan pendengar keliru dengan mesej yang ingin disampaikan. Sebagai contoh, bagi

menggambarkan kesedihan pendeklamasi harus menurunkan kekuatan suara, bagi menggambarkan kemarahan dan semangat pula pendeklamasi harus menaikkan kekuatan vokal secara berskala untuk merangsang emosi agar mengalir seiring vokal yang dilontarkan dalam alur puisi. Begitu juga dengan puisi-puisi yang bertemakan cinta yang harus disampaikan dengan lontaran vokal yang menggambarkan kebahagiaan atau kegembiraan.

- d) Secara umumnya, lontaran vokal yang baik akan membuat penonton tertarik dan berminat untuk mendengarnya. Setiap individu mempunyai warna suara yang tersendiri dan berbeza. Kematangan suara yang dilontarkan bergantung pada tahap latihan yang dilakukan. Latihan yang dilakukan secara berterusan akan membolehkan individu tersebut memperoleh lontaran vokal yang matang.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, rangkaian pembahasan di atas dapat mengangkat beberapa fakta utama antaranya, variasi vokal merupakan komponen utama yang dititikberatkan dalam sayembara deklamasi puisi. Seterusnya, penggunaan variasi vokal yang tepat membolehkan penonton menghayati setiap mesej yang ingin disampaikan oleh pendeklamasi. Puisi yang bertemakan kemerdekaan memerlukan ketegasan dalam penyampaian dan variasi vokal yang pelbagai ini menampakkan puisi yang disampaikan lebih menarik dan tidak monoton. Penyelidik berharap penyelidikan ini dapat memberikan manfaat dan ilham dalam usaha mempraktikkan lontaran vokal yang baik dalam bacaan puisi pada masa akan datang. Selain itu, penyelidik telah membuktikan bahawa lontaran vokal merupakan nadi utama dalam penyampaian puisi selain emosi, gaya dan penampilan.

Cadangan penyelidik, kajian yang melibatkan vokal dalam persembahan ini lebih banyak dilakukan. Melalui penyelidikan yang berterusan ini, kita mampu memperbaiki dan mencari solusi untuk menutupi lompong ilmu yang ada. Secara tidak langsung, bidang sastera dan persembahan di Malaysia akan semakin berkembang dan menambah kosa ilmu baharu kepada khalayak.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) atas bantuan mengumpul data dan kepada kedua-dua pengulas tanpa nama kerana sudi memberikan maklum balas yang membina dalam proses penerbitan penulisan ini.

RUJUKAN

Abu Bakar, A. H., & Abdullah, M. Y. (2017). The relationship between motivation, interest, and performance in poetry recitation among secondary school students in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(5), 470-483.

- Al-Sawalha, N. A., & Al-Ani, W. Z. (2020). The impact of using multimedia on developing EFL learners' recitation and comprehension skills. *Cogent Education*, 7(1), 1781602.
- Chew Fong Peng, (2011). Pendekatan Kecerdasan Pelbagai Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran KOMSAS Dalam Bahasa Melayu, *Jurnal Pengajian Melayu*, 22(1), 111-136.
- Akhesah, R., & Saludin, M. R. (1). Seni Artistik Dalam Persembahan Puisi Rahman Shaari. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 4(1), 211 - 231.
- Mohd Azrul. (2020). Pendidikan dan Pelatihan Deklamasi Puisi di Malaysia. *Jurnal Puisi*, 5(2), 43-51.
- Ferriols, M. M. (2018). The Art of Public Speaking in Malaysia: A Study of the University of Malaya Debate Team. *Journal of Language and Communication*, 5(2), 70-78.
- Hamzah, M. S. G., Abdullah, M. Y., Hussin, A. R., Abdullah, S. K., Teck, W. K., & Ismail, S. (2019). Analisis Pelaksanaan Program Memartabatkan Bahasa Malaysia (Mbm) Sekolah Rendah Dan Menengah di Malaysia. *Jurnal Kesidang*, 3(1), 40-61.
- Waluyo, H. J. (1994), *Pengkajian Cerita fiksi*. UNS Press, Sebelas Maret University Press.
- Iskandar (2008). *Bahasa Indonesia Untuk Kelas 6SD/MI*. Pusat Perbukuan Departemen Pendidikan Nasional, Jakarta.
- Zahid, I., & Omar, M. S. (2006). *Fonetik dan fonologi. Siri pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu*. Penerbit Akademia.
- Jamian, A. R., Jaafar, W. N. W., Othman, S., & Sabil, A. M. (2018). High-Order Thinking Skill (HOTS) of the Students in Aspect of Understanding Modern Poetry and Prose of Malay Language. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(12), 1043-1058. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v8-i12/5152>
- Nasir, M.S., & Aziz, M.A. (2012). *Pemanfaatan Teknologi Dalam Pengajaran Puisi Arab*. In: (NR) *Dinamika Pendidikan Bahasa Arab: Menelusuri Inovasi Profesionalisme Keguruan*. Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), pp. 17-32.
- Asin, N. (2007). *Pendekatan Pelakon Dalam Lontaran Vokal Dan Ekspresi Wajah Watak Pelakon Monolog*. Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak.
- Rosli, S. (2019). Pengaruh Teknik Bercerita dan Kemahiran Membaca dalam Deklamasi Puisi di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Bahasa*, 19(2), 72-84.
- Siti Hajar Abdul Aziz (2011). *Bahasa Melayu*. Shah Alam, Selangor: Oxford Fajar.
- Sulaiman, N. (2019). The relationship between learning styles and performance in poetry recitation among secondary school students in Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(30), 104-117.
- Iskandar (2008). *Bahasa Indonesia Untuk Kelas 6SD/MI*. Pusat Perbukuan Departemen Pendidikan Nasional, Jakarta.
- Wahyuningdyah, D. R. (2020). *Pengaruh penerapan imitasi model terhadap keterampilan deklamasi puisi siswa kelas IV SDN Rampal Celaket 2 Malang* (Doctoral dissertation, Universitas Negeri Malang). <https://doi.org/10.24114/esjsgsd.v10i4.18516>
- Wong, W. L. (2020). *An analysis of spoken feedback on speech presentations/Wong Woei Ling* (Doctoral dissertation, Universiti Malaya).
- Ariffin, Z. (2001). *Sebuah skrip bangsawan Siti Zubaidah*. Istana Budaya, Kuala Lumpur.